

09 JUL 1997

Samy-Linkedua

DR MAHATHIR DAN CHOK TONG AKAN SAKSI PENYAMBUNGAN PROJEK LALUAN KEDUA

KUALA LUMPUR, 9 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya dari Singapura Goh Chok Tong akan menyaksikan kerja-kerja penyambungan projek laluan kedua menghubungkan Gelang Patah di Johor dan Tuas di Singapura akhir bulan ini.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu berkata jemaah menteri yang bermesyuarat hari ini bersetuju dengan tarikh penyambungan laluan tersebut iaitu pada 31 Julai ini.

"Saya telah mengadakan pertemuan dengan Menteri Pembangunan Negara Singapura Lim Hng Kiang minggu lepas dan kami telah bersetuju dengan tarikh tersebut," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan sumbangan RM10,000 daripada MIC kepada jaguh lumba basikal negara M.Kumaresan di pejabatnya di sini hari ini.

Samy berkata projek laluan kedua itu yang dijangka siap Oktober ini akan meningkatkan pengangkutan dan komunikasi antara kedua-dua negara.

Laluan kedua itu yang merupakan laluan alternatif kepada Tambak Johor yang menghubungkan Malaysia dengan Singapura sejak tahun 1924 akan menguntungkan kedua-dua negara termasuk memendekkan perjalanan serta pengurangan kos pengangkutan.

Di bawah perjanjian pada 10 Mei 1994 antara kerajaan pusat, United Engineers (Malaysia) Berhad dan Linkedua (Malaysia) Berhad, tanggungjawab pelaksanaan projek itu diserahkan kepada syarikat konsesi, Linkedua.

Pembinaan jambatan itu dibahagian Malaysia berharga RM266 juta yang dilaksanakan oleh syarikat usahasama UE Construction/Shimizu Corporation bermula pada Februari tahun lepas.

Samy berkata pembinaan jambatan itu sepanjang 2 km itu dijalankan oleh kedua-dua syarikat perunding yang dilantik oleh Malaysia dan Singapura. Sepanjang 1.7 km daripada jambatan itu berada dalam perairan Malaysia.

Difahamkan kerja-kerja pembinaan kini telah lebih 85 peratus siap.

Bagaimanapun katanya laluan tersebut akan dibuka kepada orang ramai awal tahun depan dan beliau berpuashati dengan kerja-kerja pembinaan itu yang mengikut jadual. -- BERNAMA

ERE WAT